

UNDP patut perjuang isu pembunuhan di Bosnia

B.H 04 JUN 1993

KUALA LUMPUR, Khamis — Malaysia tidak akan menghiraukan laporan Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNDP) yang menyenaraikan Malaysia di bawah Israel dari segi pembelaan hak asasi manusia, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurutnya, tindakan itu tidak adil kerana pertubuhan berkenaan tidak pernah menghargai sumbangan kerajaan terhadap kemakmuran rakyat pelbagai kaum dan agama di negara ini.

Katanya, UNDP sepatutnya memperjuangkan isu pembunuhan umat Islam di Palestin dan penyembelihan kanak-kanak di Bosnia daripada menekan dan menyebarkan fitnah terhadap negara membangun.

"Kita ingin bertanya sama ada pembunuhan di Israel dan penyembelihan kanak-kanak di Bosnia boleh dianggap sebagai

pembelaan terhadap hak asasi manusia. Perjuangkan isu ini dahulu, jika tidak, sila jangan ganggu kita.

"Kita tahu apa yang kita buat. Kita mengendalikan negara yang mengandungi rakyat pelbagai kaum dan agama tetapi tetap stabil dan maju. Ini langsung tidak dihargai. Oleh itu, kita tidak hirau pandangan mereka.

"Golongan seumpama itu sebenarnya kehabisan modal untuk mencari kesalahan negara membangun. Ini termasuklah golongan yang membenci kemakmuran negara ini," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas melancarkan Persidangan mengenai Islam dan Keadilan anjuran Institut Kefahaman Islam Malaysia (Ikim) di Bank Negara di sini, hari ini.

Perdana Menteri menngulas laporan UNDP, minggu lalu yang menyenaraikan Malaysia di tem-

pat ke-57, berbanding 51 pada tahun sebelumnya (kedudukan itu lebih rendah daripada Israel). Ia menunjukkan prestasi negara yang melaksanakan hak asasi manusia pada setiap tahun.

Mengenai perkembangan pilihanraya di Kemboja, Perdana Menteri berkata, Malaysia berharap semua parti yang bertanding dalam pilihan raya umum di Kemboja menghormati keputusan dan kehendak rakyat negara itu.

Menurutnya, adalah tidak wajar bagi mana-mana parti yang sebelum ini yakin memenangi pilihan raya itu tiba-tiba membantah apabila mendapati undi mereka merosot.

"Saya harap semua parti yang bertanding dalam pilihan raya Kemboja menerima keputusan rakyat. Tidak ada gunanya kita membantah hanya semata-mata kalah dalam pilihan raya itu.

"Tindakan itu adalah tidak wajar malah mendedahkan Kemboja kepada pelbagai masalah atau berkemungkinan kembali seperti zaman sebelumnya. Ini tidak boleh diabaikan," katanya.

Sehubungan dengan itu, Dr Mahathir mengingatkan puak-puak yang bertelingkah bahawa dalam sebarang pilihan raya pemimpin menerima kekalahan tanpa membabitkannya dengan sebarang alasan.

"Kita kena terima kekalahan malah mesti ada sebahagian yang kalah manakala sebahagian lagi menang. Bagaimanapun, saya yakin perkara itu akan diselesaikan tidak lama lagi.

"Kemungkinan beberapa parti utama terpaksa menubuhkan kerajaan campuran dan mereka mesti menerima hakikat ini. Mesti wujud persefahaman yang berasaskan tanggungjawab terhadap negara," katanya.